

## Menyingkap Sejarah Penubuhan Kompleks Sejarah Pasir Salak dan Warisan Binaannya

Siti Nuraisyah Husin  
Azreen Natasya Ruszaimi  
Ap-Azli Bunawan

Fakulti Pengurusan Maklumat  
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana  
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

### ABSTRAK

*Kompleks Sejarah Pasir Salak merupakan satu kompleks bersejarah yang mempunyai pelbagai binaan dan monumen bersejarah di dalamnya dimana setiap binaan bersejarah tersebut mempunyai keunikan dan sejarah tersendiri di sebalik penubuhannya. Di Malaysia, didapati bahawa tidak banyak terdapat dokumentasi kajian yang merangkumi binaan-binaan bersejarah Kompleks Sejarah Pasir Salak. Kajian-kajian yang ada daripada (Khairul Fikri, 2019 dan Mohamad Syamsul Akmar, 2012), tidak memfokuskan kepada aspek binaan bersejarah malah menjurus kepada hanya satu binaan dan pengurusan di Kompleks Sejarah Pasir Salak. Oleh itu, untuk tujuan mengkaji, satu kajian telah dilaksanakan tentang warisan sejarah dan peristiwa di sebalik penubuhan bangunan dan monumen bersejarah di Kompleks Sejarah Pasir Salak serta ciri-ciri istimewa yang terdapat. Di samping itu, artikel ini juga menerangkan dengan lebih lanjut tentang peristiwa lepas di Pasir Salak yang menjadi asas dan mendorong kepada penubuhan Kompleks Sejarah Pasir Salak. Bukan itu sahaja, aspek penjagaan setiap binaan bersejarah juga dibincangkan oleh kerana setiap binaan dan bahan bersejarah ini mempunyai ciri-ciri istimewa yang berbeza dan memerlukan penjagaan khas.*

**Kata kunci:** Kompleks Sejarah Pasir Salak, binaan bersejarah, Pasir Salak, peristiwa, Tugu peringatan, diorama

## ABSTRACT

*Pasir Salak historical complex is a historical complex that has various buildings and historical monuments where each historic building has its own uniqueness and history behind its establishment. In Malaysia, it was found that there is a lack of research documentation that includes the historic buildings of Pasir Salak Historical Complex. The studies conducted by Khairul Fikri(2019) and Mohamad Syamsul Akmar(2012) shows that the current research is not focused on the aspect of historic construction but the focus is more on the specific construction and management at the Pasir Salak Historical Complex. Triggered by this current research focus, this study is conducted to study the historical heritage and events behind the establishment of historic buildings and monuments in the Pasir Salak Historical Complex as well as the special features available. In addition, this study also explains more about the past events in Pasir Salak which became the basis and led to the establishment of the Pasir Salak Historical Complex. Thus, the care aspect of each historic building is also discussed because each of these historic buildings and materials has different special features and requires special care.*

**Keywords:** Pasir Salak Historical Complex, historic buildings, Pasir Salak, events, monuments, diorama

## PENGENALAN

Di Malaysia, seperti yang kita tahu, terdapat pelbagai tempat dan bangunan bersejarah tinggalan daripada peristiwa-peristiwa terdahulu di samping juga bangunan yang dibina semula untuk memperingati perjuangan pahlawan-pahlawan Malaysia menentang penjajah. Antara bangunan-bangunan bersejarah di Malaysia ialah Kota A Famosa, Kota Raja Mahadi, Kellie's Castle, Kompleks Lembah Bujang dan banyak lagi. Tajuk yang ingin dikaji iaitu Kompleks Sejarah Pasir Salak merupakan kompleks sejarah yang dibina pada tahun 1990 di Pasir Salak, Perak Tengah, Perak, Malaysia atas inisiatif dari Tan Sri Ramli Ngah Talib, Menteri Besar Perak pada waktu itu. Kompleks ini dirasmikan oleh Raja Nazrin Shah pada 26 Mei 1990 dan mula dibuka pada 2004. Ia dibina di Pasir Salak adalah kerana di sinilah berlaku pertumpahan darah pahlawan-pahlawan Melayu dalam penentangan menentang penjajah British. Pada tahun 1875, telah terjadi Perang Perak selepas setahun Sultan Perak bersetuju untuk menerima nasihat Residen

British. J.W.W Birch adalah merupakan residen British yang pertama di Perak dimana dia merupakan seorang yang tidak berpengetahuan dalam budaya dan bahasa Melayu serta kurang dalam budi bahasa Melayu. Kompleks ini telah dibuka secara rasmi pada tahun 2004.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Kompleks Sejarah Pasir Salak merupakan satu kompleks bersejarah yang mempunyai pelbagai binaan dan monumen bersejarah di dalamnya. Namun, berdasarkan pemerhatian, terdapat kekurangan kajian yang memberi tumpuan kepada Kompleks Sejarah Pasir Salak dan binaan-binaan bersejarah di dalamnya. Satu kajian oleh Khairul Fikri (2019) telah dihasilkan berkaitan Kompleks Sejarah Pasir Salak namun kajian tersebut hanya menumpukan struktur binaan kepada satu binaan sejarah sahaja iaitu Rumah Kutai. Di samping itu, kajian oleh (Mohamad Syamsul Akmar, 2012) pula lebih memfokuskan kepada pengurusan di Kompleks Sejarah Pasir Salak dan bagaimana pihak pengurusan disana menarik pelawat ke Kompleks Sejarah Pasir Salak. Sehubungan itu, permasalahan ini telah mendorong supaya kajian ini dilaksanakan.

Bukan itu sahaja, permasalahan lain adalah kurangnya pendedahan tentang warisan dan sejarah peristiwa di Malaysia serta kisah di sebalik tinggalan bangunan-bangunan bersejarah yang terdapat di Malaysia kepada generasi muda zaman sekarang. Kebanyakan daripada mereka tidak sedar akan kewujudan pelbagai bangunan bersejarah di Malaysia dimana setiap bangunan tersebut mempunyai warisan dan sejarah yang tersendiri. Menurut (Ahmad Farid et al. 2019), adanya muzium adalah menjadi salah satu usaha kita ke arah mengekalkan warisan sejarah dan budaya bangsa kita. Koleksi-koleksi yang bernilai ini merupakan bukti sesuatu peristiwa atau sejarah lampau yang telah berlaku di negara kita. Hal ini disokong oleh (Shaik Azahar dan Noralia, 2017) bahawa warisan adalah sesuatu yang bernilai yang diwariskan dari satu generasi ke satu generasi yang baru. Beliau juga berharap agar warisan akan terus dipelihara dan dikenalkan untuk generasi akan datang. Justeru itu, melalui kajian yang akan dijalankan, rakyat Malaysia terutamanya generasi muda diharapkan akan lebih sedar dan berpengetahuan mengenai sejarah dan warisan tinggalan binaan sejarah serta pembinaan semula bangunan bersejarah ini di Malaysia.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Berdasarkan pemerhatian, antara objektif untuk kajian ini adalah seperti berikut:

- a) Untuk mengkaji tentang warisan sejarah dan peristiwa di sebalik penubuhan bangunan dan monumen bersejarah di Kompleks Sejarah Pasir Salak.
- b) Untuk mengkaji mengenai ciri-ciri istimewa dan keunikan yang terdapat pada bangunan dan binaan sejarah di Kompleks Sejarah Pasir Salak

## **PERSOALAN KAJIAN**

Berdasarkan pemerhatian, antara persoalan kajian yang terdapat adalah seperti berikut:

- a) Apakah warisan sejarah dan peristiwa di sebalik penubuhan bangunan dan monumen bersejarah di Kompleks Sejarah Pasir Salak?
- b) Apakah bangunan dan binaan sejarah yang terdapat di Kompleks Sejarah Pasir Salak mempunyai ciri-ciri istimewa dan keunikan tersendiri?

## **KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN**

Kompleks Sejarah Pasir Salak merupakan antara warisan bersejarah terpenting kepada rakyat Negeri Perak terutamanya. Konsep asal dalam penubuhan dan pembangunannya adalah merupakan satu bentuk rakaman sejarah untuk mengingati akan kepentingan peristiwa-peristiwa berdarah Pasir Salak yang dianggap sebagai asas permulaan sistem demokrasi berparlimen di Malaysia. Justeru, melalui kajian yang dilakukan, dokumentasi kajian berkaitan warisan bersejarah Kompleks Sejarah Pasir Salak akan lebih bertambah lalu dapat menjadi rujukan dan sumber sejarah kepada generasi masa hadapan. Tambahan lagi, generasi masa hadapan juga akan dapat lebih memahami tentang sejarah-sejarah terdahulu yang pernah berlaku di negeri Perak melalui setiap peristiwa dan episod penting dalam sejarah tanah air yang dijelaskan dalam hasil kajian bukan sahaja yang berlaku di Perak malahan di serata negara.

Bukan itu sahaja, menerusi kajian yang dijalankan, individu-individu berkaitan akan lebih terdorong untuk menghasilkan lebih banyak kajian berkaitan warisan binaan-binaan bersejarah yang ada di Malaysia. Dengan itu, masyarakat akan datang akan dapat mempelajari lebih banyak sejarah masa lalu yang berlaku di Tanah Melayu. Tambahan lagi, menyedari tentang kepentingan sejarah dan warisan binaan-binaan bersejarah di Malaysia, organisasi-organisasi terlibat akan lebih giat untuk melaksanakan program dan pameran untuk mempromosikan dan menyebar ilmu pengetahuan berkaitan warisan bersejarah yang terdapat di Malaysia.

## TINJAUAN LITERATUR

Kompleks Sejarah Pasir Salak merupakan sebuah kompleks sejarah di Pasir Salak, Perak yang dibina dibina pada tahun 1990 atas inisiatif Tan Sri Ramlil Ngah Talib, Menteri Besar Perak pada waktu itu. Kompleks ini dirasmikan oleh Raja Nazrin Shah pada 26 Mei 1990. Selain daripada itu, tujuan ia dibina di Pasir Salak adalah kerana di situ lah bermulanya pertumpahan darah pejuang-pejuang Malaysia dalam menentang penjajahan British. Pada tahun 1875, telah terjadi Perang Perak selepas setahun Sultan Perak bersetuju untuk menerima nasihat Residen British. J.W.W Birch adalah merupakan residen British yang pertama di Perak dimana dia merupakan seorang yang tidak berpengetahuan dalam jiwa, budaya dan bahasa Melayu serta kurang dalam budi bahasa Melayu. Bukan itu sahaja, kompleks ini juga bertujuan sebagai pusat pengumpulan bahan dan monumen sejarah yang terdapat di Pasir Salak mahupun dari serata negeri Perak. Tambahan lagi, bangunan-bangunan yang terdapat di dalam kompleks ini juga dibina dengan bercirikan rumah Tradisional Melayu Perak. Kompleks ini kemudiannya dibuka secara rasmi pada tahun 2004.

Berdasarkan kajian lepas oleh (Mohamad Shamsul Akmar, 2012), Kompleks Sejarah Pasir Salak adalah tergolong dalam kumpulan „history museum”. Hal ini disebabkan konsep pameran dan barang-barang yang diperagakan adalah berkaitan dengan sejarah perjuangan masyarakat Melayu yang menentang penjajahan British. Kompleks Sejarah Pasir Salak atau dikenali sebagai muzium, telah ditempatkan di Mukim Pasir Salak di negeri Perak Darul Ridzuan kerana di situ lah berlakunya kejadian penentangan masyarakat Melayu Pasir Salak terhadap penjajahan British. Namun, kajian ini

masih tidak mencukupi kerana tidak merangkumi semua aspek di dalam kompleks sejarah pasir salak itu sendiri. Kajian yang sedia ada juga merupakan kajian lama dan bukanlah yang terkini dan tidak tertumpu kepada binaan binaan bersejarah di dalamnya contohnya buku oleh (Abdullah Zakaria Ghazali, 1997) yang hanya menceritakan tentang sejarah peristiwa yang berlaku di Pasir Salak. Di samping itu, berdasarkan kajian lepas oleh (Khairul Fikri Khairuddin, 2019) juga tidak menumpukan kepada keseluruhan Kompleks Sejarah Pasir Salak namun hanya kepada satu struktur binaan sahaja iaitu Rumah Kutai.

Bukan itu sahaja, Mohamad Shamsul Akmar (2012) dalam kajiannya juga ada menceritakan tentang kenyataan Encik Mohd Fauzi bin Mohamad Razali dalam temubual yang diadakan di pejabatnya yang menyatakan bahawa, Kompleks Sejarah ini berfungsi sebagai pusat rujukan mengenai sejarah yang terkandung di Pasir Salak. Pernyataan tersebut pula disokong oleh Dato" Seri Ramli Ngah Talib (1998:1) dalam bukunya yang bertajuk "Buku Panduan Pelawat - Kompleks Sejarah Pasir Salak – Bumi Pahlawan Melayu" yang menyatakan Kompleks Sejarah Pasir Salak berfungsi sebagai pusat yang menyediakan sumber-sumber rujukan mengenai sejarah dan kebudayaan Negeri Perak Darul Ridzuan yang berguna kepada masyarakat. Akan tetapi kajian ini tidak sepenuhnya menyentuh mengenai warisan binaan bersejarah di dalam Kompleks Sejarah Pasir Salak.

Bukan itu sahaja, melalui kajian lepas oleh Mohamad Shamsul Akmar (2012) yang telah dijalankan bersama penolong kurator di Kompleks Sejarah Pasir Salak iaitu Encik Mohd Fauzi bin Mohamad Razali juga menerangkan mengenai sejarah disebalik penubuhan kompleks bersejarah tersebut. Tambahan pula, Kompleks Sejarah Pasir Salak ini juga memainkan peranan penting dalam menyimpan serta memelihara bahan-bahan warisan yang cukup terkenal dan bersejarah di negeri Perak ini. Oleh itu, melalui kajian ini ia akan dapat memberi lebih informasi serta kupasan dengan lebih mendalam mengenai binaan binaan bersejarah yang terdapat di kompleks sejarah pasir salak ini.

Tambahan itu, menurut kajian yang dilakukan dalam temubual bersama Encik Fauzi, beliau menyatakan yang Kompleks Sejarah Pasir salak telah dibina pada tahun 1990 dan didirikan di kawasan berlakunya

pembunuhan J.W.W Birch. Pada awal pembinaan Kompleks Sejarah ini hanya mengandungi beberapa buah binaan seperti dua buah rumah Kutai, dua buah tugu dan sebuah masjid lama. Pembinaan fasa ke-2 telah memperlihatkan beberapa buah bangunan telah didirikan seperti sebuah pejabat, gerai cenderamata dan balai pameran. Bagi pembinaan fasa ke-3 yang bermula pada tahun 1995, beberapa buah bangunan telah dibina untuk melengkapkan Kompleks Sejarah Pasir Salak ini. Secara keseluruhannya, Kompleks Sejarah Pasir Salak ini mempunyai tujuh (7) fasa binaan. Menurut Encik Fauzi lagi, kompleks ini merupakan memorial terpenting kepada sejarah terbilang Pasir Salak dan rakyat Negeri Perak.

Terdapat banyak perjalanan peristiwa-peristiwa sejarah yang dipamerkan di dalam Terowong Sejarah kerana terowong sejarah merupakan binaan paling bersejarah yang terdapat di Kompleks Sejarah Pasir Salak. Hal ini demikian kerana ia menggunakan teknik pameran diorama iaitu pameran tiga dimensi. Setiap peristiwa dan kisah penting dalam sejarah Tanah Melayu serta perkembangannya disusun dan disampaikan mengikut kronologi sejarah. Hal ini secara tidak langsung mampu memberikan pemahaman yang lebih jelas dan tepat berkaitan peristiwa-peristiwa sejarah terdahulu yang telah berlaku di negeri Perak. Selain itu, kompleks ini juga bertindak sebagai sebuah pusat yang menyediakan sumber rujukan dan pameran mengenai sejarah dan warisan negeri Perak.

Akhir sekali, kompleks sejarah pasir salak yang dibina secara berperingkat ini turut dilengkapi dengan adanya monumen dan bangunan seperti Rumah Kutai 1 yang dibina sekitar tahun 1896, Rumah Kutai 2, Tugu Lela Rentaka, Pentas Belotah, Tugu Peringatan Pahlawan Perak, Galeri Keris dan Galeri Sejarah Menteri Menteri Besar Perak. Semua ini merupakan binaan sejarah asal yang memang sedia ada terdapat di Pasir Salak hasil tinggalan sejarah terdahulu. Turut terdapat di kompleks ini adalah Tugu Peringatan J.W.W Birch yang dibangunkan oleh kerajaan Inggeris sekitar tahun 1900 bagi memperingati peristiwa pembunuhan Birch di Pasir Salak. Melalui binaan-binaan bersejarah ini, banyak kesan dan kepentingan dapat diperoleh terhadap sejarah Malaysia di samping kepada rakyat itu sendiri.

## METODOLOGI

Untuk kajian ini, kaedah yang digunakan adalah secara kualitatif iaitu melalui sejarah lisan dengan peserta yang dipilih. Sejarah lisan boleh didefinisikan sebagai kaedah mengumpulkan, memelihara dan menafsirkan suara dan kenangan individu, masyarakat, dan peserta dalam peristiwa masa lalu. Sejarah lisan adalah kedua-dua jenis penyelidikan sejarah yang tertua, mendahului perkataan bertulis, dan salah satu yang paling moden, dimulakan dengan perakam pita pada tahun 1940-an dan sekarang menggunakan teknologi digital abad ke-21.

Oleh itu, melalui penyelidikan dalam talian yang dilakukan, individu yang paling sesuai dan memenuhi skop kajian yang ingin kami lakukan adalah Penolong Kurator Kompleks Sejarah Pasir Salak itu sendiri, iaitu Encik Mohd Fauzi Bin Mohamad Razali. Hal ini demikian kerana, Encik Fauzi mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas bukan sahaja melibatkan sejarah penubuhan Kompleks Sejarah Pasir Salak bahkan juga warisan binaan-binaan bersejarah di dalamnya dan ciri-ciri istimewa yang terdapat. Sehubungan dengan itu, kami bersepakat untuk memilih Encik Mohd Fauzi Bin Mohamad Razali dipilih sebagai peserta untuk ditemubual.

Peserta yang ditemubual iaitu Encik Mohd Fauzi Bin Mohamad Razali merupakan Penolong Kurator di kompleks tersebut. Beliau merupakan lepasan ijazah daripada Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam bidang pengurusan awam pada 2001. Tambahan lagi, beliau juga telah berkhidmat selama 17 tahun di Kompleks Sejarah Pasir Salak. Justeru mempunyai pengalaman yang luas berkenaan tajuk yang ingin dikaji.

Temubual yang dijalankan bersama Encik Fauzi Bin Mohamad Razali telah mengambil masa selama 2 jam 15 minit. Temubual ini dijalankan melalui panggilan telefon melalui dua sesi temubual dan telah dirakamkan sebagai bukti lisan. Medium panggilan telefon digunakan disebabkan faktor internet yang lemah dihadapi Encik Fauzi. Justeru daripada itu, terdapat sedikit kelemahan pada rakaman antaranya perkataan yang kurang jelas semasa temubual. Di dalam temubual, ini kami telah menemubual Encik Fauzi Bin Mohamad Razali tentang beberapa skop penting mengenai warisan binaan-binaan bersejarah yang terdapat di Kompleks Sejarah Pasir Salak.

## **HASIL KAJIAN**

## **Sejarah Campur Tangan British Di Perak**

Dengan termeterainya Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874, telah bermula campur tangan British di Perak dimana ia telah mencetuskan konflik di antara masyarakat tempatan dengan pihak British. Hal ini bermula apabila Perjanjian Pangkor itu dilihat satu muslihat British untuk menguasai Perak bukan hanya untuk menamatkan konflik perebutan takhta di Perak yang mana termasuk juga dalam konteks menamatkan kekacauan kongsi gelap yang ditimbulkan oleh Gee Hin dan Hai San dalam Perang Larut di kawasan Taiping. Konflik tersebut semakin memburuk apabila dinyatakan Raja Abdullah dikehendaki menerima nasihat daripada residen dalam segala ehwal pentadbiran kecuali adat dan agama. British juga tersilap percaturan apabila pada November 1874, J.W.W Birch telah merombak sistem cukai di Perak secara automatik British telah mencabuli Perjanjian Pangkor. Hal ini disebabkan, aspek cukai di Perak bukanlah dalam konteks pentadbiran tetapi sebenarnya dalam konteks adat.

Namun, hal tersebut bukan menjadi punca kepada pembunuhan Birch tetapi punca utamanya bila September 1875 bila J.W.W Birch memperkenalkan peraturan-peraturan baru yang melibatkan cukai, yang melibatkan pelantikan pemungut-pemungut cukai dimana pemungut-pemungut cukai yang dipilih oleh pembesar tidak boleh lagi menjalankan kuasa mereka. Tambahan lagi, J.W.W Birch juga memperkenalkan cukai-cukai baru yang melibatkan cukai menjahit atap, membuat perahu, membuka tanah, membawa komuniti ke kawasan pedalaman dan sebaliknya. J.W.W Birch juga telah melantik majistret dalam menjalankan kuasa penghakiman mereka dan kemuncak kepada penyalahgunaan apabila J.W.W Birch btelah mengugut Raja Abdullah bahawa sekiranya Raja Abdullah tidak turunkan tandatangan dalam surat pengisytiharan peraturan-peraturan baru yang dibuat oleh pihak British ini, Raja Abdullah akan diturunkan takhta dan diganti oleh Raja Yusuf iaitu pesaingnya dalam konflik perebutan takhta di Perak. Ekoran hal tersebut, pada 2 November 1875, J.W.W Birch telah dibunuh di Pasir Salak oleh Dato Maharaja Lela dan pengikut-pengikutnya.

### Kompleks Sejarah Pasir Salak



Gambar 1: Kompleks Sejarah Pasir Salak

Penubuhan Kompleks Sejarah Pasir Salak mula rasmi dibina pada 26 Mei 1990 namun pada tahun 1989, telah bermula fasa pertama pembinaan Rumah Kutai 1, Rumah Kutai 2, Tugu Peringatan Birch, Jeti kayu, Tugu Lela Rentaka dan surau. Pembangunan fasa pertama Kompleks Sejarah Pasir Salak ini berterusan dan giat dibina pada tahun 1998. Binaan-binaan tersebut adalah yang diambil alih daripada rumah sedia ada yang berada di atas tapak asal dan fasa pertama ini siap dibina pada 26 Mei 1990.

Idea penubuhan Kompleks Sejarah Pasir Salak ini tercetus semasa Tan Sri Ramli Ngah Talib menjadi menteri besar Perak yang kelapan dimana pada waktu itu, ditemui tujuh butir peluru meriam sebesar bola golf iaitu peluru meriam Lela Rentaka di tebing sungai Perak berhampiran dengan Masjid Rahmaniah di Pasir Salak ini yang mana berhampiran dengan tempat J.W.W Birch dibunuhi. Daripada penemuan itu, telah dibangunkan cadangan untuk mengekalkan identiti sejarah ini mengikut fasa-fasa daripada tujuh fasa pembangunan Kompleks Sejarah Pasir Salak, dengan fasa pertama lebih menumpukan kepada monumen-monumen sedia ada terutamanya Tugu Peringatan Birch yang telah sedia ada dibangunkan oleh pihak British untuk mengingati insiden pembunuhan J.W.W Birch semasa Ernest Woodford Birch yang menjadi residen Perak yang kelapan sampailah kepada fasa yang ketujuh dengan pembinaan Galeri Bersejarah Menteri Besar-Menteri Besar Perak. Antara sebab lain pembangunan Kompleks Sejarah Pasir Salak ialah kerana nilai-nilai sentimental kepada Tan Sri Ramli Ngah Talib yang mana beliau merupakan keturunan Datuk Sagor. Datuk Sagor merupakan pembesar Orang Besar Delapan Perak yang memegang kawasan Kampung Gajah. Di

samping itu, Rumah Anjang Pelita yang terdapat di Pasir Salak adalah merupakan rumah kepada atuk dia. Hal ini merupakan kenapa, ia dinamakan Kompleks Sejarah Pasir Salak kerana ia dibina di atas tapak asal suatu tinggalan peristiwa sejarah.

Objektif utama penubuhan Kompleks Sejarah Pasir Salak ini adalah untuk mengumpul, memelihara, mengkaji, memamer sejarah semangat perjuangan patriotisme rakyat Perak terutamanya di Pasir Salak dalam kebangkitan penentangan terhadap British di Perak.

### Binaan-Binaan Bersejarah Dan Ciri-Ciri Istimewa




Gambar 2: Terowong Sejarah

Di Kompleks Sejarah Pasir Salak, sememangnya terdapat pelbagai binaan-binaan bersejarah yang boleh dilawati. Selain daripada bahan-bahan yang dipamerkan samada keris, barang-barang budaya sejarah yang lain sebagai barang pameran, sebenarnya bangunan itu sendiri menjadi salah satu bahan dalam konsep pameran kepada masyarakat dan pengunjung. Bukan itu sahaja, selain Terowong Sejarah, Galeri Sejarah Menteri Besar, Rumah Kutai 1, Rumah Kutai 2, terdapat juga monumen dan juga tugu di Kompleks Sejarah Pasir Salak ini dimana kalau daripada pintu masuk utama, akan terdapat Pentas Belotah, pentas yang digunakan untuk tarian lotah. Selain itu, terdapat juga menara pandang dimana senibinanya diadaptasi daripada bentuk menara pandang Pavillion di Kuala Kangsar dan senibina ini sudah berumur hampir seratus tahun lebih. Tambahan lagi, terdapat juga tugu-tugu peringatan antaranya Tugu Peringatan Pahlawan Perak, Tugu Peringatan Birch dan Tugu Lela Rentaka. Akhir sekali, terdapat dua buah arca yang satu diletakkan di depan Terowong Sejarah yang dinamakan arca „Jam Suria“ atam jam matahari di mana penunjuk waktunya berdasarkan kepada bayang yang terhasil daripada pergerakan matahari manakala arca kedua iaitu arca dua bilah keris

diletakkan di Galeri Sejarah Menteri Besar yang diilhamkan oleh pengacara terkenal di Perak, Raja Shahriman Bin Raja Aziddin.

### Terowong Sejarah



Gambar 3 dan 4: Suasana dalam Terowong sejarah

Terowong Sejarah merupakan bangunan bersejarah yang dibina untuk mengenang kembali insiden kenangan kembali insiden Pasir Salak dengan mengambil pendekatan teknologi yang terbaik daripada "Museum of Yala" di Thailand. Ia menceritakan tentang perjalanan sejarah secara kronologi dari awal sampailah mencapai merdeka. Dalam konteks senibina, ia merupakan bangunan kayu sepanjang 117 kaki dimana struktur asasnya adalah konkrit manakala luarannya, ragam hiasnya dan kemasan akhirnya menggunakan kayu dan ukiran-ukiran kayu. Pandangan hadapan Terowong Sejarah ini menggabungkan tiga elemen senibina yang utama. Pertama, bahagian hadapannya adalah Istana Melayu Lama, bahagian belakangnya pula adalah Istana Impian Raja Abdullah dan di bahagian bumbung utama setengah-setengah bangunan ini, bentuk bumbungnya menyamai bentuk bumbung Rumah Kutai. Tambahan pula, Terowong Sejarah juga dalam bangunan yang sama menempatkan galeri keris dimana bahagian atasnya adalah terowong dan di bahagian bawahnya adalah galeri keris. Pameran dalam Terowong sejarah ini dipamerkan dalam bentuk diorama iaitu tiga dimensi.

Miniatur pelbagai jenis patung-patung kecil disusun berdasarkan situasi sejarah, bermula dari kerajaan awal, kedatangan kuasa penjajah dan insiden pembunuhan J.W.W Birch merupakan kemuncak kebangkitan penentangan terhadap British di Perak sehingga membawa kepada era pra-demokrasi di

Perak hinggalah kita mencapai kemerdekaan. Selain patung manusia, terdapat patung haiwan, bentuk pasu bunga, kenderaan Jepun, basikal, kapal, perahu, tumbuhan-tumbuhan plastik dan juga ranting-ranting kayu untuk kita kombinasikan, jalinkan untuk menghidupkan suasana sesuatu peristiwa sejarah. Tambahan lagi, Terowong Sejarah ini juga merupakan salah satu muzium di Malaysia, yang terbesar di Malaysia yang menggunakan keseluruhan pendekatan diorama. Terdapat empat puluh dua diorama keseluruhannya dimana daripada diorama satu sampai diorama empat puluh dua ini menceritakan tentang sejarah jatuh bangunnya insiden pembunuhan J.W.W Birch, pembukaan negeri Perak dan termasuk juga sepuluh diorama yang terakhirnya memperlihatkan kebangkitan dan penentangan terhadap negeri-negeri lain berdasarkan kronologi juga. Selain itu, terdapat juga paparan pertempuran dan peperangan antara pasukan British dengan orang Melayu, pertempuran di Bandar Tua, perbicaraan Dato MaharajaLela, penggantungan Dato MaharajaLela, Raja Abdullah dibuang negara ke Pulau Seashed. Atas faktor kos, patung-patung ini dibuat daripada daripada gentian kaca dan bukannya lilin yang dapat menjadikan bentuk patung lebih cantik dan lebih tepat di samping patung-patung ini harus ditempah khas dari Thailand.

Dalam konteks diorama, pencahayaan juga memainkan peranan penting, sehubungan itu suasana di dalam Terowong Sejak dijadikan gelap supaya kesan cahaya dalam diorama akan dapat dipaparkan dengan lebih jelas dan hidup. Bukan itu sahaja, oleh kerana audio memainkan peranan penting dalam pameran diorama, lalu diwujudkan audio pada insiden pembunuhan J.W.W Birch sahaja untuk mengelakkan bunyi bising sekiranya dimasukkan pada semua paparan sejarah.

### Galeri Keris



Gambar 5 dan 6: Suasana dalam Galeri Keris

Galeri Keris di Kompleks Sejarah Pasir Salak ditempatkan di bahagian bawah Terowong Sejarah. Galeri Keris Pasir Salak menempatkan 180 bilah keris bukan sahaja daripada Orang Melayu namun juga daripada daripada Nusantara dan Alam Melayu. Di Galeri Keris Pasir Salak, keris-keris yang terdapat mempunyai kepelbagaian bentuk dan ciri-ciri. Uniknya juga, selain koleksi keris-keris yang dikumpul, terdapat juga yang diperoleh daripada individu atas dasar wasiat tidak boleh dijaga ataupun tiada pengetahuan untuk menjaganya. Menurut (Mohd Fauzi, 2020) juga, keris-keris tersebut hanya dicuci setahun sekali sepanjang bulan Muhamarram tanpa menggunakan atau kunyit oleh kerana bahan-bahan tersebut merupakan salah satu cara untuk mengaktifkan keris. Tambahan lagi, bagi koleksi keris-keris gugusan Kepulauan Melayu Nusantara, ia dikumpul berdasarkan daripada kajian Datuk Syahrul Yob, bekas ketua pengarah jabatan muzium. Di samping itu pengunjung-pengunjung juga tidak dibenarkan untuk menyentuh keris-keris tersebut disebabkan bisa-bisa pada keris tidak dapat dilihat dimana boleh mendatangkan masalah atau insiden yang tidak diingini. Namun begitu, pelawat yang berkunjung untuk tujuan kajian dalam konteks Master atau PhD bersama surat kebenaran universiti akan dibenarkan untuk memegang keris-keris tersebut.

#### Tugu Peringatan Pahlawan Perak



Gambar 7: Tugu Peringatan Pahlawan Perak

Tugu Peringatan Pahlawan Perak merupakan tugu yang dibangunkan untuk mengingati dan mengenang bakti pejuang-pejuang Pasir Salak yang

terkorban dalam insiden penentangan terhadap British di Pasir Salak. Dalam konteks struktur tugu ini, ianya berbentuk sundang iaitu senjata yang digunakan oleh Si Puntum untuk menetak J.W.W Birch. Sundang merupakan senjata seperti pedang Melayu, hulu pedang yang berukir bentuk ukiran Melayu, berlatar belakangkan bunga kalumpang yang merupakan bunga tradisi dan kebangsaan negeri Perak. Itu merupakan salah satu ciri unik yang terdapat pada Tugu Peringatan Pahlawan Perak dimana ianya mencerminkan identiti orang Melayu Perak itu sendiri, sundang Melayu Perak. Bukan itu sahaja, tugu ini selain diilhamkan daripada senjata yang digunakan Si Puntum, sundang ini sebenarnya adalah kepunyaan Sultan Ja"afar iaitu ayahanda kepada Raja Abdullah. Baginda telah menganugerahkan sundang ini kepada Dato Maharaja Lela dan dalam perancangan penentangan terhadap British, Dato Maharaja Lela telah menyerahkan sundang tersebut kepada badan induk untuk merencanakan rancangan membunuh J.W.W Birch di Pasir Salak.

Untuk kaedah penjagaan tugu ini pula, hanya bunga kalumpang dan hulu sundang itu sahaja perlu dicat kerana ia diperbuat daripada besi. Hal ini demikian kerana, mata sundang pada tugu ini diperbuat daripada keluli tahan karat termasuk juga latar belakang yang bertatahkan dengan bunga kalumpang ini dibuat daripada kepingan besi tuang lalu tidak perlu penjagaan yang khas. Di samping itu, penyelenggaraan secara berkala akan dibuat yang melibatkan tulisan pada Tugu Peringatan Pahlawan Perak itu kerana ia merupakan batu marmar yang dipahat dan ditulis dengan cat berwarna emas serta mudah pudar apabila terkena cuaca yang panas dan hujan. Untuk kerja-kerja menyelenggara, dua orang pembantu muzium akan bertanggungjawab untuk buat kerja-kerja konservasi dan restorasi artifak.

### **Tugu Peringatan Birch**

Dalam konteks pembangunan, Tugu Peringatan Birch merupakan tugu asal yang dibina oleh pihak British selepas insiden pembunuhan J.W.W Birch dan tidak jauh daripada Tugu Peringatan Pahlawan Perak. Dari sudut struktur binaannya, ia diperbuat daripada batu granit dan berketinggian setinggi 5 meter. Struktur atas sekali Tugu Peringatan Birch pula berbentuk piramid. Dalam konteks era kolonial, senibina ini dipanggil "Senibina Obelisk", „The Needle of Cleopatra" dan ia merupakan lambang pemerintahan Mesir Purba. Tugu ini telah dibina oleh E.W Birch, Ernest Woodford Birch, anak kepada

J.W.W Birch yang menjadi residen Perak yang kelapan. Semasa era pentadbirannya, dia telah membangunkan tugu ini untuk mengingati insiden pembunuhan bapanya di Pasir Salak. Pada tugu tersebut, telah ditulis tulisan jawi Bahasa Melayu, tulisan rumi Bahasa Inggeris oleh British. Menurut (Mohd Fauzi, 2020), British cuba menutup atau menggambarkan yang J.W.W Birch ini seolah-olah tidak bersalah dan teraniaya apabila dia dibunuh di Pasir Salak. Selepas merdeka pada 1976, tugu ini telah diwartakan dibawah Akta Benda Purba dan sebagai syaratnya bentuk tulisannya, warnanya atau kedudukan tidak boleh diubah. Akta ini kemudiannya diubah, dipinda menjadi Akta Warisan 2005 dan sebarang perubahan masih tidak dapat dilakukan pada tugu. Oleh itu, ia telah menjadi satu mercu tanda penting di Pasir Salak untuk masyarakat mengenali sejarah di Pasir Salak ini dengan lebih dekat.

Dalam temubual dijalankan, (Mohd Fauzi, 2020) ada menyatakan pandangan beliau berkenaan wajar atau tidak untuk tugu ini dibina dan dipamerkan di Malaysia amnya. Menurut beliau, disebabkan tugu ini dibina oleh pihak British sendiri sebagai insiden untuk mengingati insiden pembunuhan J.W.W Birch, beliau berpendapat bahawa eloklah tugu itu dikekalkan untuk melihat sejauh mana British telus dalam menulis sejarah tanah air kita. Di samping itu, ia juga sebagai tatapan generasi akan datang dan masa kini. Tambah beliau lagi, apabila sudah ada Tugu Peringatan Birch, dibina oleh pihak British dan kita kembangkan lagi sejarah demikian dengan menubuhkan Tugu Peringatan Pahlawan Perak yang berlatarkan sundang. Selain daripada itu, terdapat juga tapak pembunuhan J.W.W Birch yang bertentangan dengan Tugu Peringatan Birch. Jarak daripada tempat J.W.W Birch dibunuh ke tugu itu adalah lebih kurang tidak sampai 6 meter. Namun menurut (Mohd Fauzi, 2020), biarpun tapak J.W.W Birch dibunuh ini dibina di atas tebing sungai, namun hakikat yang sebenarnya, J.W.W Birch dibunuh di dalam sungai.

### Galeri Sejarah Menteri-Menteri Besar

Galeri Sejarah Menteri Menteri Besar merupakan sebuah galeri yang memaparkan sejarah perjalanan dan perkhidmatan Menteri Menteri Besar Perak dari awal permulaan hingga yang terkini. Bersesuaian dengan tema galeri itu sendiri mengenai sejarah menteri menteri besar di perak ia memaparkan sejarah latar belakang, gambar gambar semasa menjalankan

tugas termasuklah acara-acara rasmi, gambar semasa mereka menjalankan tugas, cenderamata, dan dokumen-dokumen penting seperti kad pengenalan, mereka. Antara menteri besar yang paling disegani di negeri Perak adalah Dato Panglima Bukit Gantang Wahab. Beliau sangat disegani kerana terlibat dalam perjanjian Kemerdekaan di London. Sejarah mengenai Dato Panglima Bukit Gantang banyak dipamerkan di dalam Galeri Sejarah di Kompleks Sejarah Pasir Salak. Namun terdapat menteri-menteri Besar yang tidak dicatatkan sejarahnya di dalam galeri sejarah kerana bangunan binaan sejarah tersebut sedang dibaik pulih dan untuk ditambahkan lagi koleksi di dalamnya dan ia akan dibuka sepenuhnya setelah semua fasiliti di naiktaraf dengan baik.

Rumah Kutai



*Gambar 8: Rumah Kutai*

Selain itu, Rumah Kutai merupakan antara binaan bersejarah yang terdapat di dalam Kompleks Sejarah Pasir Salak. Menurut (Mohd Fauzi, 2020), selaku penolong kurator di kompleks tersebut terdapat dua jenis buah Rumah Kutai iaitu Rumah Kutai 1 kepunyaan Tuan Haji Wok Bin Haji Mad Kulop. Rumah Kutai Tuan Wok bin Hj Kulop Mad Arsyad ini terletak dalam fasa pertama pembangunan Kompleks Sejarah Pasir Salak. Ia dibina sekitar tahun 1989 yang dibangunkan untuk baik pulih dan selenggara serta disesuaikan dengan pelbagai jenis pameran. Di samping itu, Rumah Kutai 2, merupakan Rumah Kutai baru, yang dibina pada 1986 dalam fasa kedua pembangunan Kompleks Sejarah Pasir Salak.

Rumah Kutai 1 ini merupakan Rumah Kutai asal yang dimasukkan dalam kategori Rumah Kutai tiang enam belas baik dari segi reka bentuk dan tinggi dia yang menggunakan dinding pelepas dan mempunyai ciri-ciri yang mengekalkan aspirasi tradisi masyarakat negeri Perak. Berbeza dengan Rumah Kutai 1, Rumah Kutai 2 ini cuma dipanggil Rumah Kutai, dan tidak

boleh diistilahkan sebagai cerminan penduduk negeri Perak meskipun rumah ini mempunyai enam belas batang tiang. Namun, dari segi ketinggian dia, ia diperbuat menggunakan dinding papan pegar yang terkeluar daripada bentuk, ciri dan identiti rumah tradisi Perak walaupun ia mempunyai selang kering dan selang basah di anjung. Bentuk ukiran Rumah Kutai 2 juga sangat ringkas berbanding dengan ciri-ciri yang terdapat pada Rumah Kutai Tuan Wok Bin Haji Mad Kulop itu sendiri. Di dalam Rumah Kutai 1 itu, ia lebih menumpukan kepada pemberitaan mengenai insiden pembunuhan Birch dan melibatkan gambar-gambar penempatan sekitar kawasan tebing sungai Pasir Salak, pembunuhan terhadap Dato Maharajalela, Perang Perak, Perjanjian Pangkor dan termasuk replika-replika senjata yang terdapat di dalam Rumah Kutai 1. Manakala, Rumah Kutai 2 ini pula lebih kepada alat-alat kebudayaan negeri Perak seperti rebana, perhiasan dapur, perhiasan bilik pengantin, bilik persandingan dan sebagainya.

### Tugu Meriam Lela Rentaka



Gambar 9: Tugu Meriam Lela Rentaka

Tugu Meriam Lela Rintaka ialah tugu yang telah disumbangkan oleh anak pewaris Nakhoda Haji Mohd Taib iaitu Puan Zawiyah sendiri. Keistimewaan Tugu Meriam Lela Rintaka ini, ialah ia sebenarnya merupakan senjata yang mana bukan arca replika biasa namun Meriam Lela Rintaka ini merupakan meriam yang pernah digunakan suatu masa dulu untuk berperang dan sudah ditamatkan tempoh perkhidmatannya. Tugu Meriam Lela Rintaka ini merupakan artifak ataupun objek senjata jenis meriam boleh mudah alih yang telah digunakan oleh pasukan Dato Maharajalela suatu ketika dahulu untuk gempur pasukan British dalam pertempuran di Bandar Tua termasuk Perang Perak pada tahun 1875 dan tahun 1876 dari Pasir Salak sehingga ke Kuala Kangsar.

### **Monumen-Monumen Iain di Kompleks Sejarah Pasir Salak**

Tambahan lagi, selain binaan-binaan sejarah yang terdapat di Kompleks Sejarah Pasir Salak, terdapat juga tapak-tapak sejarah di samping monumen antaranya seperti tapak pembunuhan J.W.W Birch, kubur Si Puntum, dan tapak kubur serta rumah Dato Maharajalela. Selain itu, kebanyakannya artifak-artifak budaya seperti peralatan pengebumian, peralatan peralatan dapur, kelengkapan pertanian, perkahwinan, perhiasan rumah dan sebagainya turut dipamerkan di samping dokumen-dokumen serta maklumat-maklumat sejarah seperti Perjanjian Pangkor, Pembunuhan Dato Maharajalela, Perang Perak dan termasuk lukisan dan gambar lama.

### **KESIMPULAN**

Sebagai kesimpulannya, proses pendokumentasian sejarah lisan ini banyak memberi informasi serta maklumat kepada kami sendiri sebagai pelajar untuk belajar dengan lebih mendalam tentang sejarah dan warisan tinggalan era terdahulu. Melalui kajian yang dilakukan, penubuhan Kompleks Sejarah Pasir Salak ini juga adalah untuk memberi kesedaran kepada generasi muda mengenai peristiwa-peristiwa sejarah yang telah berlaku di Pasir Salak yang merupakan kemuncak penentangan orang-orang Melayu dalam menentang penjajahan British di Perak di samping memperingati jasa-jasa dan pengorbanan pahlawan-pahlawan Melayu yang berjuang mempertahankan maruah bangsa dan Negara.

Akhir kata, melalui kajian ini juga, kesedaran orang luar terutama rakyat Malaysia yang tinggal sama ada di Perak atau luar Perak akan dapat ditingkatkan tentang kepentingan sejarah terdahulu. Hal ini kerana, generasi akan datang juga harus mengetahui mengenai sejarah terdahulu agar mereka dapat bersyukur akan nikmat yang mereka kecapi sekarang. Tambahan lagi, melalui dokumentasi kajian yang kami lakukan, organisasi-organisasi berkaitan akan lebih ter dorong untuk melakukan lebih banyak program dan pameran untuk memberi pengetahuan kepada masyarakat berkenaan sejarah dan warisan tinggalan sejarah yang terdapat di Malaysia. Harapan kami untuk kajian ini agar sejarah dan warisan binaan bersejarah di Negara kita akan selalu dikenang dan dijaga dengan sebaik mungkin agar tidak ditelan zaman.

## RUJUKAN

Abdullah Zakaria Ghazali. (1997). Pasir Salak: pusat gerakan menentang British di Perak. Yayasan Perak.

Ahmad Farid Abd Jalal., Abdullah Yusuf., Ahmad Faisal Abd Hamid., & Rahimin Affandi Abd Rahim. (2019). Kesedaran Muzium Baru di Malaysia. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1), 93-111.

Hafizi Izni. (2020). Kompleks Sejarah Pasir Salak. Wikipedia

Khairul Fikri Khairudn. (2018). Construction Techniques of Traditional Malay Houses. Environment-Behaviour ProceedingsJournal.3.10.21834/e-bpj.v3i7.1131.<http://muzium.perak.gov.my/index.php/muzium/kompleks-sejarah-pasir-salak>

Majlis Daerah Perak Tengah. (2020). Kompleks Sejarah Pasir Salak, Kg Gajah. Retrieved from <http://muzium.perak.gov.my/index.php/muzium/kompleks-sejarah-pasir-salak>

Mohamad Syamsul Akmar Wahiyudin. (2012). Pengurusan kompleks sejarah pasir salak sebagai daya tarikan pelawat. Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif. Universiti Malaysia Sarawak. [https://ir.unimas.my/id/eprint/21210/1/Pengurusan%20kompleks%20sejarah%20Pasir%20Salak%20\(24pgs\).pdf](https://ir.unimas.my/id/eprint/21210/1/Pengurusan%20kompleks%20sejarah%20Pasir%20Salak%20(24pgs).pdf)

Mohd Fauzi Mohamad Razali, personal communication, November 27, 2020

Ramlil Ngah Talib, Tan Sri. (1997).Kompleks sejarah Pasir Salak: buku panduan pelawat. Bumi Pahlawan Melayu.

Shaik Azahar Shaik Hussain & Noralia Tugiman. (2016). Persepsi Pengunjung Terhadap Kompleks Sejarah Pasir Salak (KSPS).